WIKIPEDIA

Bahasa Melayu Cocos

Bahasa Melayu Cocos ialah ragam bahasa Melayu pascakreol, ditutur oleh orang Melayu Cocos dari Pulau Selma, Pulau Krismas, dan mereka yang asalnya dari Kepulauan Cocos kini tinggal di Sabah.[1]

Bahasa Melayu Kepulauan Cocos	
Basa Pulu Cocos	
Asli di	Australia, Malaysia
Wilayah	Kepulauan Cocos (Keeling), Sabah
Etnik	4,000 di Malaysia (2000)[1]
Penutur asli	(1,100 di Australia cited 1987)e18
Keluarga bahasa	Bahasa Kreol ▪ Kreol berdasarkan bahasa Melayu ▪ Betawi (Melayu Jawa) ▪ **Bahasa Melayu Kepulauan Cocos**
Kod bahasa	
ISO 639-3	coa

Bahasa Melayu Cocos terbit daripada bahasa-bahasa perdagangan Melayu abad ke-19, terutamanya bahasa Betawi,[2] dengan pengaruh bahasa Jawa tambahan yang kuat. Bahasa Melayu ditawarkan sebagai bahasa kedua di sekolah, dan bahasa Malaysia mempunyai status yang prestiji; kedua-duanya mempengaruhi bahasa ini, menjadikan ia sebaris dengan bahasa Melayu Baku.[3] Terdapat juga pengaruh membesar bahasa Inggeris, memandangkan Kepulauan tersebut menjadi wilayah Australia dan globalisasi menghanyutkan istilah moden ke dalam bahasa harian. Pada tahun 2009, pelajar Melayu Cocos dilarang menggunakan bahasa mereka dan mereka yang melanggar peraturan ini akan didenda dalam bentuk "tiket bercakap" yang bermaksud mereka dikehendaki menjalankan kerja membersih di sekolah.[4] Walau bagaimanapun, bentuk sekatan bahasa ini ditamatkan pada tahun 2011.[5]

Ia mempunyai ciri-ciri berikut:

- Pengaruh bahasa Jawa: *cucut* "jerung", *kates* "betik", *walikat* "tulang kipas" dan lain-lain.
- Mufrad diri pertama dan diri kedua "*gua*" "*lu*", daripada bahasa Hokkien.
- Kata kerja kausatif "*kasi*".
- "*Ada*" turut berfungsi sebagai partikel progresif.
- Penanda milik "*punya*".
- Tidak pasti diri ketiga "*ong*", daripada *orang*[6]

Isi kandungan

Fonologi

Vokal [7]

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Tengah	e	ə	o
Rendah		a	

Konsonan [7]

	Dwibibir	Gigi	Gusi	Belakang gusi	Lelangit	Velar	Uvular	Glotis
Letupan & letusan	p b	t̪	d	tʃ dʒ		k g		(ʔ)
Sengau	m		n		ɲ	ŋ		
Geseran			s				ʁ	(h)[2]
Malaran	w				j			
Malaran sisian			l					

Terdapat tiga cara bahasa Melayu Cocos berbeza dengan bahasa Melayu Baku dan Indonesia:[7]

1. Bunyi uvular [ʁ] yang selalu berlaku antara vokal hadir dalam bahasa Melayu Cocos tetapi tidak dalam bahasa Melayu Baku atau Indonesia.
2. Konsonan tertentu, [f v ʃ z], yang berlaku dalam bahasa Melayu Baku tidak hadir dalam bahasa Melayu Cocos.
3. Berkaitan dengan bunyi [h] dalam tiga bahasa ini, bunyi [h] dalam bahasa Melayu Cocos selalu digugurkan terutamanya dalam kedudukan awal perkataan. Contohnya termasuk:

Melayu Baku	Melayu Cocos
[ˈhisap̚]	[ˈisap̚]
[ˈhutḁ n]	[ˈutḁ n]
[ˈhiduŋ]	[ˈiduŋ]
[ˈhaus]	[ˈaus]

Rujukan

1. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `e18` tidak disediakan**
2. Wurm, Mühlhäusler, & Tryon, *Atlas of languages of intercultural communication in the Pacific, Asia and the Americas*, 1996:686
3. Ansaldo, 2006. "Cocos (Keeling) Islands: Language Situation". In Templat:ELL2
4. Bunce, Pauline (2012). *Out of Sight, Out of Mind… and Out of Line: Language Education in the Australian Indian Ocean Territory of the Cocos (Keeling) Islands*. Multilingual Matters. halaman 37–59. ISBN 978-1-84769-749-3.

5. Welsh, Alistair (2015). "Cocos Malay language since integration with Australia" (http://dro.deakin.edu.au/view/DU:30072695). *Shima: the international journal of research into island cultures*. **9** (1).
6. Alexander Adelaar, 1996. "Malay in the Cocos (Keeling) Islands 1996".
7. Soderberg, Craig D. (2014). "Cocos Malay" (https://doi.org/10.1017/S0025100313000364). *Journal of the International Phonetic Association*. **44** (1).

Templat:Bahasa di Australia Templat:Bahasa di Malaysia

Templat:Austronesian-lang-stub
